



WAKIL UMS... 54 ahli dan pegawai Kor SUKSIS UMS bergambar kenangan di hadapan Dewan Sultan Iskandar UTM, Skudai, Johor.

SUKSIS digesa jadi mata dan telinga polis tangani jenayah dalam dan luar kampus

NST 27/7/2011 8

OLEH SHANE SHAH (crime@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Ahli Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) digesa menjadi mata dan telinga polis untuk menangani jenayah di dalam dan luar kampus.

Ketua Polis negara (KPN) Tan Sri Hj Ismail Hj Omar berkata demikian semasa merasmikan majlis Perbarisan Tamat Latihan dan penyampaian sijil bagi IPTA seluruh Malaysia kali ke 7 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor, baru-baru ini.

Pada majlis itu, seramai 54 pelatih SUKSIS mewakili Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut menyertai perbarisan tamat latihan.

“Saya yakin ahli-ahli Kor SUKSIS Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) akan menjadi pemangkin kearah mewujudkan universiti-universiti bebas jenayah dan mampu mengangkat martabat serta menjadikan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sebagai penguatkuasa undang-undang ‘berkelas dunia’,” kata Ismail.

Antara lain, Ismail berkata ahli-ahli Kor SUKSIS yang menamatkan latihan akan menjadi graduan yang cemerlang, memiliki penge-



SERTAI... Sebahagian ahli-ahli Kor SUKSIS IPTA yang menyertai perbarisan tamat latihan di Johor baru-baru ini.

tahanan undang-undang dan berdisiplin tinggi akan sentiasa bersiap sedia menghadapi situasi yang lebih mencabar.

“Mereka (Kor SUKSIS) juga dipelawa untuk menjadi ahli sukarelawan polis atau rakan cop,” kata Ismail.

Pada majlis tersebut dua orang pelatih wanita serta seorang pelatih lelaki merupakan pelatih terbaik mewakili pasukan UMS.

Mereka adalah pelatih terbaik keseluruhan Inspektor Sukarelawan Norjahan Maidin Kuthy, pelatih terbaik akademik, Inspektor Sukarelawan Rosimah Roslan sementara Inspektor Sukarelawan Perman Aminuddin

penerima sijil terbaik latihan luar.

Antara yang hadir pada majlis tersebut termasuk Penagarah Logistik Bukit Aman, Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Ketua Polis Johor Dato' Mohd Mokhtar Mohd Shariff, Komandan Kor SUKSIS Kementerian Pengajian Tinggi Dato' Prof Dr. Rujhan Mustaffa dan pegawai-pegawai kanan Kor SUKSIS IPTA seluruh Malaysia.

Sementara UMS diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar/Alumni) Prof Madya Dr Haji Kasim Haji Mansor selaku Komandan Kor SUKSIS UMS.